

Headline	Saran ambil suntikan tambahan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	47	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	76 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 748
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,245



Saran ambil suntikan tambahan

SEREMBAN - Bakal jemaah haji dari negara ini terutama yang sudah lanjut usia serta kurang sihat digalakkan mengambil suntikan tambahan iaitu Seasonal Influenza dan Pneumo/Coccal sebelum bertolak ke tanah suci Makkah.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah berkata, pengambilan suntikan tersebut perlu sebagai langkah pencegahan dan ikhtiar daripada dijangkiti penyakit berjangkit yang boleh menjejaskan kesihatan dan kadang kala boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

"Saya juga ingin menasihatkan semua bakal haji untuk memberi perhatian sepenuhnya pada kesihatan masing-masing. Suntikan wajib iaitu vaksin Meningo/Coccal Meningitis mesti diambil," katanya.

Menurutnya, menerusi hasil perbincangan dengan kerajaan Arab Saudi, dijangkakan cuaca semasa musim haji kali ini adalah panas dengan suhu boleh mencapai lingkungan 50 darjah celsius.

"Justeru bakal haji perlu menjaga diri agar tidak terlalu terdedah kepada cuaca panas semasa di sana, selain memperbanyakkan minum air untuk mengelakkan terkena strok haba.

"Ini penting bagi menjamin para jemaah haji dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna," katanya.